

Buku papar kenangan bersama Kak Endon

BH-17/11/2007

Oleh Azran Jaffar

PEMERGIANNYA pada pagi 20 Oktober 2005 membuatkan ramai yang seperti tidak dapat mempercayainya. Mana mungkin, rasanya baru semalam melihat beliau mengiringi suami tercinta pada acara rasmi, tiba-tiba berita kehilangannya yang sampai.

Namun panggilan Illahi tiada siapa yang dapat menolaknya. Selepas berjuang melawan penyakit barah payu dara yang dihidapinya, Datin Seri Endon Mahmood akhirnya pulang ke rahmatullah. Ketika kuntuman putih bunga melur gugur dan memutih di pusaranya pada petang Khamis dalam bulan Ramadan itu, ramai yang cukup terasa akan kehilangannya.

Catatan koreografer dan penari, Ramli Ibrahim dalam buku *A Bouquet of Jasmine - Friends and Family Remember Kak Endon* jelas menceritakan kesedihan yang dirasakan: "... dalam kegembiraan bersama kawan-kawan pada satu majlis, tidak lama kemudian beliau memberitahu kami bahawa beliau perlu menghadiri satu majlis kenduri rasmi bersama Pak Lah. Dan kemudian beliau pergi untuk menukar pakaian dan kembali semula dengan memakai tudung gelap yang dipadankan dengan kebaya labuh. Kami melihat beliau meninggalkan majlis kami dan suasana tiba-tiba dirasakan sunyi seolah-olah nyawa yang terdapat pada majlis itu pergi bersama-sama beliau."

Catatan itu menceritakan bahawa begitu bererti kehadiran Endon kepada rakannya dan jika kehilangannya yang sementara begitu dirasakan apa lagi apabila beliau pergi buat selama-lamanya. Dunia bagaikan berhenti berputar apabila berita kembalinya beliau ke rahmatullah mula mengisi corong radio serta siaran televisyen dan benar seperti kata Ramli, sunyi menyelubungi suasana.

Pemergian wanita pertama itu bukan saja dirasakan anggota keluarga yang setia bersama sewaktu beliau dipanggil, malah rakan-rakan dan seluruh rakyat Malaysia. Bagi mengenang pemergiangannya, buku *A Bouquet of Jasmine*



DALAM MEMORI: Endon dan kembarnya, Ain bersama ibu dan nenek mereka.

- *Friends and Family Remember Kak Endon* itu dihasilkan.

Diterbitkan MPH Group Publishing Sdn Bhd dan diselaraskan oleh Yayasan Budi Penyayang Malaysia sempena setahun pemergian Endon ia dipenuhi catatan mengenai Endon yang ditulis ibu, menantu, adik beradik, ipar, saudara mara dan rakan.

Turut mencatatkan peringatannya mengenai Endon ialah Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Sepatah kata Ketua Eksekutif Yayasan Budi Penyayang, Leela Mohd Ali, buku itu diharap menjadi jambangan melur di setiap ruang tamu kediaman yang mampu mengembalikan kenangan masyarakat terhadap Endon.

Apa yang jelas, *A Bouquet of Jasmine - Friends and Family Remember Kak Endon* adalah wadah untuk masyarakat mengenali siapakah wanita ini yang

INFO

Buku *A Bouquet of Jasmine - Friends and Family Remember Kak Endon*

- Diterbitkan MPH Group Publishing Sdn Bhd dan diselaraskan oleh Yayasan Budi Penyayang Malaysia.
- Dipenuhi catatan mengenai Endon yang ditulis ibu, menantu, adik beradik, ipar, saudara mara dan rakan.
- Wadah masyarakat mengenali siapakah wanita ini - sikapnya, peribadinya, minatnya, kebolehannya dan juga perasaannya yang menjadi teman setia suaminya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.



MESRA: Endon meraikan sambutan ulang tahun ke-50 kelahirannya Ramli.

bernama Endon Mahmood - sikapnya, peribadinya, minatnya, kebolehannya dan juga perasaannya yang menjadi teman setia suaminya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Terlalu banyak catatan gembira, penuh terharu, penuh kenangan, penuh kasih sayang yang dicurahkan pencatat di dalam buku ini yang dijalin dengan indah sebagaimana semaraknya corak songket dan batik yang menjadi minat wanita yang penuh berseni ini.

Jika menantu pertamanya, Datin Azrene Abdullah mengatakan kasih sayang yang diberikan Endon kepadanya seperti anaknya sendiri, Khairy Jamaluddin pula menjelaskan ibu menutunya adalah seorang pendengar yang baik.

"Ada beberapa kali saya kurang ber-setuju dengan pandangannya ... tetapi beliau sentiasa terbuka terhadap pan-

dangan yang berbeza," katanya.

Jika diimbau pada catatan yang ada pada buku ini, apa yang dapat dikatakan, kehidupan Endon tidak banyak bezanya dengan orang lain dan satu yang agak menarik ialah beliau begitu berminat dengan kerja kahwin.

Sama ada ipar duai atau anak saudara, beliau antara orang yang akan sentiasa sibuk dalam menyediakan hiasan dan barang hantaran, membuat pelamin sehinggalah mengadakan majlis kenduri.

Seperti minatnya dalam menyatukan dua jiwa, tautan itu jugalah yang menyebabkan pemergiangannya akan sentiasa diingati dan kasih kepadanya terus mengharum seperti mekarnya kuntuman melur.

Turut diselitkan beberapa gambar kenangan Allahyarham bersama rakan dan keluarga yang tidak pernah disiarakan sebelum ini.

DANA
SHIP
ION
DANA
FELLOWSHIP
KERSEKUTUPAN
PERDANA
PERDANA